

## Memorandum

No. Ruj. : USM.53/26 Jld.IV

Tarikh : 17 Mac 2023

Kepada : Dekan/Pengarah/Penyelaras/Ketua Jabatan  
Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan  
Kampus Induk/Kampus Kejuruteraan/Kampus Kesihatan

**Bangunan Canselori**  
(Chancellory Building)

11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 04-6533888  
www.usm.my

### HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 16 TAHUN 2023

#### - WAKTU BEKERJA FLEKSI BULAN RAMADAN TAHUN 2023

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa selaras dengan kehadiran bulan Ramadan 1444 Hijrah (2023) pada jangkannya mulai 23 Mac 2023, pihak Universiti telah bersetuju untuk melaksanakan **Waktu Bekerja Fleksibel (WBF) bulan Ramadan** dengan mengurangkan waktu rehat selama 30 minit dalam bulan Ramadan bagi membolehkan staf-staf Universiti pulang 30 minit lebih awal. WBF bulan Ramadan ini akan bermula dari tarikh 23 Mac 2023 (jangkaan 1 Ramadan 1444 Hijrah).

3. Penetapan **jadual WBF Bulan Ramadan** ini adalah seperti berikut :-

- **Pilihan 1(a) = Kampus Induk dan Kampus Kejuruteraan**

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat (Mengikut Hari)	Waktu Pulang
Isnin – Jumaat	7.30 pagi hingga 9.00 pagi (Tempoh waktu masuk)	<u>Isnin hingga Khamis</u> 1.00 tengah hari hingga 1.30 tengah hari  <u>Jumaat</u> 12.30 tengah hari hingga 2.30 petang	4.00 petang hingga 5.30 petang (Tempoh waktu pulang)

- **Pilihan 1(b) = Kampus Kesihatan**

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Pulang
Ahad – Rabu	7.30 pagi hingga 9.00 pagi (Tempoh waktu masuk)	1.00 tengah hari hingga 1.30 tengah hari	4.00 petang hingga 5.30 petang (Tempoh waktu pulang)
Khamis			2.30 petang hingga 4.00 petang (Tempoh waktu pulang)

**HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 16 TAHUN 2023**

**- WAKTU BEKERJA FLEKSI BULAN RAMADAN TAHUN 2023**

---

- **Pilihan 2 = Kekal seperti biasa**

- Bagi staf Universiti yang memilih untuk tidak menggunakan WBF Bulan Ramadan, waktu masuk dan waktu pulang bertugas adalah kekal mengikut WBF sedia ada.

4. Pilihan WBF Bulan Ramadan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua-ketua Jabatan. Kerjasama dan perhatian semua Ketua Jabatan adalah dipohon untuk memastikan pemantauan sewajarnya dilakukan oleh Pegawai Pentadbiran/Penyelia agar pelaksanaan WBF Bulan Ramadan ini tidak menjejaskan perkhidmatan, aktiviti dan fungsi jabatan masing-masing.

5. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)**

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Pendaftar

Pengarah  
Kampus Kejuruteraan/Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar Kanan  
Jabatan Pendaftar  
Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar  
Jabatan Pendaftar  
Kampus Kejuruteraan

Ketua Penolong Pendaftar  
(Ketua Pentadbiran)  
Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam

Untuk hebahan dan tindakan  
pihak tuan/puan selanjutnya